
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

JKE 312 – Makroekonomi 2

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA BELAS muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab SEMUA soalan Bahagian A dan B. Jawapan hendaklah dibuat pada ruang yang disediakan diatas buku soalan ini.

Pilih DUA soalan Bahagian C. Jawapan Bahagian C hendaklah dibuat di dalam buku jawapan.

SERAHKAN KESELURUHAN KERTAS SOALANINI BESERTA BUKU JAWAPAN MASIC-MASIC.

JANGAN DICERAIKAN MANA-MANA BAHAGIAN DARIPADA KERTAS SOALANINI.

JIKA TERDAPAT MANA-MANA MUKA SURAT YANG HILANG, MARKAH AKAN DIPOTONG.

IKAT KEDUA-DUA BUKU SOALAN DAN BUKU JAWAPAN ANDA.

BAHAGIAN A (SOALAN 1)**[30 MARKAH]**

Tandakan pilihan anda diatas Borang Jawapan yang terdapat diakhir Bahagian ini.

1. Nilai keluaran marginal (VMP) bermaksud
 - A. keluaran tambahan akibat tambahan satu unit modal
 - B. modal tambahan akibat tambahan satu unit keluaran
 - C. keluaran marginal (MP) dharab harga (P)
 - D. hasil marginal (MR) dharab harga (P)
 - E. kos marginal (MC) dharab harga (P)
2. Selain penggunaan dana terkumpul dan pinjaman, firma boleh menjual saham bagi membiayai pelaburan masing-masing. Pandangan ini merujuk kepada:

 - A. Teori pelaburan Keynes
 - B. Teori pelaburan neo-klasik
 - C. Teori pelaburan Tobin-q
 - D. Teori pelaburan Friedman
 - E. Teori pelaburan klasikal.
3. Output potensi merujuk kepada
 - A. output yang dijangka dapat dikeluarkan.
 - B. output maksima yang mampu dikeluarkan menggunakan faktor pengeluaran dan teknologi yang sedia ada.
 - C. output yang dijadikan asas dalam membentuk keluk penawaran agregat jangka pendek
 - D. tingkat output yang tidak boleh berubah walaupun dalam jangka panjang.
 - E. jumlah (agregat) output yang mampu dikeluarkan oleh semua firma dalam sebuah negara.
4. Keluk kemungkinan pengeluaran merujuk kepada semua berikut KECUALI
 - A. output maksimum yang mampu dikeluarkan oleh sesebuah ekonomi menggunakan faktor pengeluaran dan teknologi yang sedia ada.
 - B. digunakan sebagai asas mengukur output potensi
 - C. dalam menjelaskannya, hanya dua faktor dipertimbangkan iaitu buruh dan modal.
 - D. ratio pengantian modal-buruh adalah malar.
 - E. pergerakan keluar keluk tersebut hanya mungkin dengan pertambahan modal dan buruh atau salah satu daripadanya.

5. Yang manakah daripada berikut TIDAK BENAR berhubung kadar pengangguran semula jadi.
- A. Kadar pengangguran jangka panjang.
 - B. Kadar pengangguran yang ujud apabila pasaran buruh berada dalam keadaan keseimbangan.
 - C. Kadar pengangguran yang ujud apabila ekonomi mengeluarkan pada paras output potensi.
 - D. Kadar pengangguran sukarela.
 - E. Kadar pengangguran terpaksa.
6. Keluk Philips menunjukkan hubungan yang ujud antara
- A. pengangguran dan output
 - B. pengangguran dan pendapatan
 - C. inflasi dan output
 - D. inflasi dan pengangguran
 - E. inflasi dan tingkat harga
-
7. Pengangguran 1% akan mengurangkan KDNK sebanyak 2%. Penyataan ini merujuk kepada
- A. Hukum Say
 - B. Hukum Philips
 - C. Hukum Okun
 - D. Hukum Arthur
 - E. Hukum Keynes
8. Konsep gunatenaga penuh merujuk kepada semua yang berikut KECUALI
- A. pengangguran yang ujud dalam ekonomi adalah pengangguran sukarela.
 - B. pengangguran yang ujud dalam ekonomi adalah pengangguran terpaksa.
 - C. pengangguran yang ujud apabila ekonomi mengeluarkan pada tahap output potensi.
 - D. pengangguran jangka panjang.
 - E. jumlah tenaga kerja yang menganggur secara sukarela pada paras upah tertentu.

9. Keluk penawaran jangka pendek Keynesian berbentuk mendatar kerana
- A. ahli ekonomi Keynesian percaya pengangguran sentiasa ujud dalam ekonomi dengan itu ekonomi boleh menambah penggunaan buruh pada bila-bila masa.
 - B. ahli ekonomi Keynesian percaya ekonomi sentiasa dalam keadaan gunatenaga penuh.
 - C. ahli ekonomi Keynesian percaya harga sentiasa/senang berubah-ubah.
 - D. ahli ekonomi Keynesian percaya upah sentiasa/senang berubah-ubah.
 - E. ahli ekonomi Keynesian percaya kadar bunga sentiasa/senang berubah-ubah.
10. Keluk penawaran jangka pendek Klasikal berbentuk menegak kerana
- A. ahli ekonomi klasikal percaya pengangguran sentiasa ujud dalam ekonomi.
 - B. ahli ekonomi klasikal percaya ekonomi sentiasa dalam keadaan gunatenaga penuh.
 - C. ahli ekonomi klasikal percaya setiap individu mampu membuat jangkaan rasional.
 - D. ahli ekonomi klasikal percaya harga adalah melekit (sukar berubah).
 - E. ahli ekonomi klasikal percaya upah adalah melekit (sukar berubah).
-
11. Pengangguran _____ terjadi apabila pasaran buruh berada dalam keadaan keseimbangan.
- A. musiman
 - B. struktur
 - C. sukarela
 - D. terpaksa
 - E. Keynesian
12. Jika u ialah kos penggunaan modal, manakah daripada faktor-faktor berikut TIDAK mempengaruhi u ?
- A. kadar bunga
 - B. susut nilai
 - C. cukai pendapatan korporat
 - D. subsidi pelaburan
 - E. upah

13. Jika u ialah kos penggunaan modal, manakah daripada berikut TIDAK BENAR berhubung dengan u ?
- A. u jatuh apabila kadar bunga jatuh
 - B. u jatuh apabila kadar susut nilai jatuh
 - C. u jatuh apabila subsidi pelaburan meningkat
 - D. u jatuh apabila cukai pendapatan jatuh
 - E. u jatuh apabila upah jatuh.
14. Jika u ialah kos penggunaan modal, firma akan menambah penggunaan modal sehingga tahap di mana
- A. $VMP = u$
 - B. $MR = u$
 - C. $AR = u$
 - D. $AC = u$
 - E. $MC = u$

[VMP ialah nilai hasil marginal; MR ialah hasil marginal; AR ialah hasil purata; AC ialah kos purata dan MC ialah kos marginal].

15. Firma melabur ke atas inventori (input) atas sebab-sebab berikut KECUALI.
- A. Untuk memenuhi permintaan masa hadapan.
 - B. Untuk mengurangkan kos pesanan dalam kuantiti kecil.
 - C. Untuk melicinkan proses pengeluaran.
 - D. Untuk penjimatan akibat membeli dalam kuantiti yang besar.
 - E. Untuk memudahkan penyimpanan dan penjagaan.
16. Imbangan Pembayaran mengukur KECUALI
- A. eksport dan import barang dan perkhidmatan
 - B. bayaran sehala (unilateral)
 - C. perolehan daripada perdagangan matawang asing
 - D. pulangan pelaburan
 - E. aliran modal (jangka pendek dan jangka panjang)
17. Yang manakah daripada berikut TIDAK mengurangkan defisit negara?
- A. kenaikan hasil cukai kerajaan
 - B. kenaikan pendapatan kerajaan
 - C. pengurangan perbelanjaan kerajaan
 - D. penambahan perbelanjaan kerajaan
 - E. kenaikan hasil bukan cukai kerajaan

18. Belanjawan defisit boleh dibiayai melalui semua daripada berikut KECUALI

- A. hutang dalam negara
- B. hutang luar negara
- C. mengwangkan hutang
- D. peningkatan cukai
- E. penggunaan harta

19. Manakah daripada berikut BUKAN ciri Teori Pendapatan Mutlak Keynes?

- A. Penggunaan ialah fungsi pendapatan boleh guna.
- B. mpc mempunyai nilai antara kosong dan satu.
- C. Kenaikan pendapatan boleh guna mengurangkan apc .
- D. mpc lebih kecil daripada apc .
- E. mpc lebih besar daripada apc .

20. Manakah daripada berikut BUKAN ciri Teori Pendapatan Tetap Friedman?

- A. Isirumah berusaha mengekalkan corak penggunaan sepanjang hayat mereka.
- B. Penggunaan adalah ratio pendapatan semasa terhadap pendapatan tertinggi masa lalu.
- C. Penggunaan adalah bersandarkan pendapatan tetap.
- D. Pendapatan isirumah terdiri daripada pendapatan tetap dan pendapatan transitori.
- E. Penggunaan isirumah terdiri daripada penggunaan tetap dan penggunaan transitori.

SOALAN 21-30 hanya mempunyai DUA pilihan

21. Jika ekonomi mengeluarkan output pada paras output potensi, keluk penawaran agregat bersifat anjal sempurna (tegak).

- A. Betul
- B. Salah

22. Jika ekonomi mengeluarkan output dibawah daripada paras output potensi, peningkatan permintaan agregat TIDAK akan menyebabkan peningkatan harga.

- A. Betul
- B. Salah

23. Peningkatan perbelanjaan kerajaan atau pengurangan cukai bersih akan menggerakkan keluk permintaan agregat ke kanan.
- A. Betul
B. Salah
24. Peningkatan bekalan wang pada sebarang tingkat harga akan menggerakkan keluk permintaan agregat ke kanan.
- A. Betul
B. Salah
25. Jika keluk penawaran agregat bersifat tegak dalam jangka panjang, polisi fiskal dan polisi kewangan berkesan dalam mempengaruhi output dalam jangka panjang.
- A. Betul
B. Salah
-
26. Keluk penawaran agregat jangka pendek bercerun negatif.
- A. Betul
B. Salah
27. Kesan keatas gunatenaga dan pelaburan akibat peningkatan output bergantung kepada kadar upah dan kos modal.
- A. Betul
B. Salah
28. Ahli-ahli ekonomi monetaris dan Keynesian masing-masing bersetuju tentang bentuk keluk Philips jangka panjang yang bersifat satu garis tegak tetapi berbeza pandangan berhubung keluk Philips jangka pendek.
- A. Betul
B. Salah
29. Jika Y meningkat, kadar pengangguran meningkat; jika Y jatuh, kadar pengangguran jatuh.
- A. Betul
B. Salah
30. Berdasarkan pandangan ahli-ahli ekonomi monetaris, inflasi selama-lamanya merupakan fenomena kewangan.
- A. Betul
B. Salah

BORANG JAWAPAN BAHAGIAN A

1. = A = = B = = C = = D = = E =

2. = A = = B = = C = = D = = E =

3. = A = = B = = C = = D = = E =

4. = A = = B = = C = = D = = E =

5. = A = = B = = C = = D = = E =

6. = A = = B = = C = = D = = E =

7. = A = = B = = C = = D = = E =

8. = A = = B = = C = = D = = E =

9. = A = = B = = C = = D = = E =

10. = A = = B = = C = = D = = E =

11. = A = = B = = C = = D = = E =

12. = A = = B = = C = = D = = E =

13. = A = = B = = C = = D = = E =

14. = A = = B = = C = = D = = E =

15. = A = = B = = C = = D = = E =

16. = A = = B = = C = = D = = E =

17. = A = = B = = C = = D = = E =

18. = A = = B = = C = = D = = E =

19. = A = = B = = C = = D = = E =

20. = A = = B = = C = = D = = E =

21. = A = = B = = C = = D = = E =

22. = A = = B = = C = = D = = E =

23. = A = = B = = C = = D = = E =

24. = A = = B = = C = = D = = E =

25. = A = = B = = C = = D = = E =

26. = A = = B = = C = = D = = E =

27. = A = = B = = C = = D = = E =

28. = A = = B = = C = = D = = E =

29. = A = = B = = C = = D = = E =

30. = A = = B = = C = = D = = E =

BAHAGIAN B (SOALAN 2)**[30 MARKAH]**

Tuliskan jawapan anda diruang yang disediakan SAHAJA. Jawapan yang ditulis diluar daripada ruang yang disediakan tidak akan diperiksa.

1.	Apakah kategori pengangguran yang ujud dalam negara sekiranya ekonomi berada dalam keadaan guna tenaga penuh?	3 markah
2.	Upah benar merujuk kepada	2 markah
3.	<p>Jika <input type="text"/> , bagaimanakah ahli ekonomi monetaris menjelaskan cara menangani inflasi.</p>	5 markah

4.	Apakah yang digambarkan oleh Keluk Philips? (tidak perlu rajah)	4 markah
5.	Berikan implikasi keujudan keluk Philips.	4 markah
6.	Isikan tempat kosong dengan menyatakan sama ada inflasi dan pengangguran adalah tinggi atau rendah.	4 markah


SRAS dan Keluk Philips Jangka Pendek

© Dr. Ku Azam Tuon Lonik, 2002

63

7.	Apakah yang menyebabkan pergerakan keluk AD dalam rajah berikut?	2 markah
8.	Apakah rumusan yang boleh anda buat daripada proses yang berlaku dalam soalan (7) di atas.	2 markah
9.	Berikan dua faktor yang boleh menyebabkan pergerakan keluk permintaan agregat. (Tidak perlu huraian)	2 markah

- | | | |
|-----|---|----------|
| 10. | Manakah daripada urutan berikut berlaku di A dan manakah berlaku di B jika D_N bermaksud permintaan buruh dan μ bermaksud pengangguran. | 2 markah |
|-----|---|----------|
-



BAHAGIAN D (SOALAN 3 - 6)**[40 MARKAH]**

Pilih 2 (DUA) soalan sahaja.

3. (a) Bincangkan tiga jenis kos yang terpaksa ditanggung oleh pelabur. [12 markah]
- (b) Dalam Teori Pelaburan Neo-klasik, pelaburan dilakukan pada tahap dimana $MC = VMP_K$. Dengan bantuan gambar rajah, bincangkan pernyataan tersebut. [8 markah]
4. (a) Bincangkan asas Teori Penggunaan Mutlak Keynes. [15 markah]
- (b) Dalam keadaan penggunaan tidak berkadar iaitu $C = a + cY$, tunjukkan dengan bantuan gambarajah, hubungan di antara penggunaan dan pendapatan.
-
5. (a) Kerajaan membiayai belanjawan defisit melalui pembiayaan hutang dan pembiayaan kewangan. Bincangkan perbezaan kedua-dua bentuk pembiayaan tersebut. [10 markah]
- (b) Bezakan antara jenis-jenis pengangguran yang ujud [10 markah]
6. (a) Dengan bantuan gambar rajah, bezakan dan terangkan inflasi tolakan kos dan inflasi tarikan permintaan. [10 markah]
- (b) Terangkan TIGA kos inflasi. [10 markah]